



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 08 (18 FEBRUARI 2024 – 24 FEBRUARI 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,572 kes berbanding 3,483 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-08 adalah sebanyak 29,113 kes berbanding 17,388 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 16 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 14 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-08 adalah sebanyak 196 lokaliti berbanding 185 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 196 lokaliti yang dilaporkan, 155 lokaliti di Negeri Selangor, 16 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lapan (8) lokaliti Negeri Perak, lapan (8) lokaliti di Negeri Sembilan, tiga (3) lokaliti di Negeri Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Negeri Sabah, satu (1) lokaliti di Negeri Kedah, satu (1)

lokaliti di Negeri Johor, satu (1) lokaliti di Negeri Melaka dan satu (1) lokaliti di Negeri Pahang.

Bagi surveilan chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-08. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah enam (6) kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-08. Bagi surveilan zika, sebanyak 361 sampel darah telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes* betina yang telah dijangkiti. Terdapat empat (4) jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi iaitu DENV-1, DENV-2, DENV-3 dan DENV-4. Setiap individu boleh dijangkiti lebih dari sekali di mana jangkitan oleh salah satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja, dan mereka boleh dijangkiti lagi dengan jenis virus denggi yang lain.


Nyamuk *Aedes* membiak dalam air jernih yang bertakung di dalam dan luar rumah. Kitaran hidup nyamuk *Aedes* bermula dari telur, jentik-jentik, larva dan mengambil masa tujuh (7) hari untuk menjadi nyamuk dewasa serta boleh dikenali melalui belang putih yang terdapat pada badan dan kakinya. Biasanya nyamuk *Aedes* akan menggigit pada awal pagi dan lewat senja. Putuskan rantai nyamuk *Aedes* dengan memastikan tempat-tempat berpotensi pembiakan *Aedes* di dalam dan luar rumah dihapuskan dengan melakukan aktiviti Cari dan Musnah 10 minit sekali seminggu. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


1 Mac 2024




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-08 & ke-07 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-08), 2023 dan median 2019-2023



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2024